

09 JUN 1999

Zahir-Perdana Menteri

JAWATAN PM PERLU SOKONGAN MAJORITI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail hari ini berkata jawatan Perdana Menteri boleh dipegang sesiapa sahaja yang mendapat sokongan majoriti Parlimen.

"Tidak ada syarat dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa Perdana Menteri mesti bangsa Melayu atau bangsa lain kerana ia terbuka kepada sesiapa yang mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Parlimen," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Speaker Dewan Rakyat Republik Yemen Sheikh Abdulla Hussein Al-Ahmar di pejabatnya di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai cadangan parti pembangkang untuk menggilirkan jawatan Perdana Menteri antara pemimpin parti DAP, PAS, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia sekiranya pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

Artikel 43 Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan jawatan Perdana Menteri mesti dipegang oleh orang Melayu atau Islam, sebaliknya jawatan berkenaan boleh dipegang oleh rakyat Malaysia yang menjadi ahli Dewan Rakyat dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong serta memperolehi kepercayaan majoriti anggota dewan.

Isnin lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas cadangan itu berkata, negara akan mempunyai kerajaan yang akan dipimpin empat parti yang berbeza pemimpin dan pendapat.

Mengenai kunjungan Sheikh Abdulla itu, Mohamed Zahir berkata kunjungan itu merupakan antara usaha mempererat lagi hubungan yang sedia ada antara Malaysia dengan Yemen.

Pada pertemuan itu, Sheikh Abdulla turut mengundang Mohamed Zahir mengunjungi Yemen.

Mengikut sejarah, hubungan antara Yemen dengan negara ini telah terjalin sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1400 menerusi perdagangan dan penyebaran agama Islam.

Selepas mengunjungi Mohamed Zahir, Sheikh Abdulla dan delegasinya membuat kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob.

Delegasi seramai 10 orang itu yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini tiba di sini semalam dari Beijing setelah membuat lawatan ke China.

Petang ini Sheikh Abdulla dijadualkan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara, menemui Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri dan melawat Menara Berkembar Petronas.

Esok delegasi berkenaan akan mendengar taklimat mengenai Universiti Islam Antarabangsa dan menemui penuntut dari Republik Yemen sebelum melawat Genting Highlands.

Delegasi itu kemudiannya akan mendengar taklimat di Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan berlepas ke London pada malam esok dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang.

-- BERNAMA

RZS NMO